




AKHLAK KEKELUARGAAN

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Memahami asas pembinaan institusi keluarga berteraskan akhlak Islam:** Peserta akan memperoleh kefahaman tentang tujuan perkahwinan, asas pemilihan pasangan yang baik dan kepentingan membina keluarga berteraskan takwa dan kasih sayang.
- b) **Menghayati akhlak suami isteri dalam kehidupan harian:** Peserta akan mempelajari prinsip-prinsip akhlak antara suami isteri seperti adab dalam berkomunikasi, toleransi, menjaga rahsia pasangan dan menyelesaikan konflik secara hikmah.
- c) **Menghayati akhlak suami isteri dalam kehidupan harian:** Peserta akan mempelajari prinsip-prinsip akhlak antara suami isteri seperti adab dalam berkomunikasi, toleransi, menjaga rahsia pasangan dan menyelesaikan konflik secara hikmah.
- d) **Mempelajari akhlak dalam memperkukuh hubungan antara ahli keluarga besar:** Peserta akan mempelajari kepentingan mengekalkan silaturahim, saling menyantuni dan mengurus perbezaan dengan berhemah dalam kalangan adik-beradik dan sanak saudara dalam mengekalkan keharmonian kekeluargaan.
- e) **Memahami peranan keluarga sebagai ejen pembentukan masyarakat berakhlak:** Peserta akan menyedari tanggungjawab keluarga Muslim dalam menyebarkan nilai akhlak kepada jiran tetangga dan masyarakat melalui teladan dan dakwah yang berhikmah.

SESI PERTAMA

MEMBINA KELUARGA DENGAN AKHLAK

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang tujuan perkahwinan, asas pemilihan pasangan yang baik dan kepentingan membina keluarga berteraskan takwa dan kasih sayang.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pilihan Pasangan dalam Islam
- Akhlak Praperkahwinan
- Membentuk Asas Rumahtangga Berakhlak

SESI PERTAMA: MEMBENTUK KELUARGA DENGAN AKHLAK

PENDAHULUAN

Perkahwinan dalam Islam adalah suatu ikatan yang menyatukan dua insan. Ia merupakan ibadah yang melibatkan niat, tanggungjawab dan adab yang berlandaskan syariat. Keluarga merupakan madrasah pertama yang melahirkan insan berakhlak, beradab dan bermoral.

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: “Dan di antara tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu berasa tenang kepada mereka, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

(Surah al-Rum 30: 21)

Ayat ini menjelaskan bahawa perkahwinan adalah tanda kebesaran Allah, yang menghubungkan suami dan isteri dengan ketenangan (*sakinah*), kasih sayang (*mawaddah*) dan belas kasihan (*rahmah*). Inilah tiga asas akhlak yang perlu dihidupkan dalam rumah tangga kerana tanpa nilai ini, keluarga akan kehilangan roh dan semangat pensyariatannya.

Aisyah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya: “Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap keluargaku.”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 3895. Hadis ini adalah hadis sahih)

Hadis ini menjadi sandaran bahawa akhlak memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan keluarga. Perkahwinan dan pembinaan keluarga merupakan jalan

bagi seseorang untuk mendidik dirinya dengan akhlak mulia dan melatih sifat sabar, kasih sayang serta amanah dalam kehidupan seharian.

Justeru, perkahwinan dalam Islam perlu dilihat sebagai pintu kepada pembinaan akhlak yang lebih baik dan utuh. Suami, isteri dan anak-anak masing-masing memegang peranan untuk menegakkan nilai akhlak dalam keluarga. Bertitik tolak daripada pembentukan nilai akhlak dalam keluarga ini, akan terbentuklah masyarakat yang baik kerana keluarga yang berakhlak diibaratkan sebagai batu bata yang menguatkan bangunan umat.

PILIHAN PASANGAN DALAM ISLAM

Dalam usaha membina keluarga yang berakhlak, langkah awal yang paling penting ialah pemilihan pasangan hidup. Islam telah menetapkan garis panduan yang jelas supaya perkahwinan yang dibina berpaksikan nilai agama dan akhlak, bukan hanya dorongan nafsu semata-mata.

Firman Allah SWT:

وَالطَّيِّبَاتُ لِلطَّيِّبِينَ وَالطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَاتِ

Maksudnya: *“(Lazimnya) wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik, dan lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik.”*

(Surah al-Nur 24: 26)

Keserasian hakiki dalam perkahwinan tidak terletak pada rupa atau harta. Ia pada hakikatnya ada pada kebaikan iman dan keindahan akhlak yang menjadi asas kebahagiaan rumah tangga.

Daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda:

تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا، وَلِحَسَبِهَا، وَلِجَمَالِهَا، وَلِدِينِهَا. فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ، تَرِبَتْ يَدَاكَ.

Maksudnya: *“Wanita itu dinikahi kerana empat perkara; kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya, dan agamanya. Maka pilihlah yang beragama, nescaya engkau akan beruntung.”*

(Riwayat al-Bukhari, no. 5090 dan Muslim, no. 1466)

Jelas sekali bahawa agama dan takwa adalah keutamaan yang penting dalam memilih pasangan, manakala harta, keturunan dan kecantikan hanyalah pelengkap yang bersifat sementara sahaja.

Harta boleh habis, keturunan tidak menjamin kebaikan, kecantikan pula akan pudar. Agama dan akhlak itulah yang kekal sebagai cahaya dalam rumah tangga.

Abu Hatim al-Muzani r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW juga bersabda:

إِذَا جَاءَكُمْ مَنْ تَرْضَوْنَ دِينَهُ وَخُلُقَهُ، فَاتَّكِحُوهُ. إِلَّا تَفْعَلُوا، تَكُنْ فِتْنَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ.

Maksudnya: *“Apabila datang kepada kamu seorang lelaki yang kamu reda agama dan akhlaknya, maka kahwinkanlah dia. Jika kamu tidak melakukannya, akan terjadilah fitnah di muka bumi dan kerosakan.”*

(Riwayat al-Tirmizi, no. 1085. Hadis ini hasan gharib)

Panduan ini membuktikan bahawa pemilihan pasangan adalah asas kepada kestabilan keluarga dan masyarakat. Hal ini demikian kerana memilih pasangan yang salah boleh membawa kepada keretakan rumah tangga dan kerosakan akhlak pada generasi akan datang.

Sebaliknya, memilih pasangan kerana agama dan akhlaknya pastilah akan membuka pintu keberkatan dan menjadi sebab terbentuknya keluarga yang diredai Allah SWT.

AKHLAK PRAPERKAHWINAN

Akhlak sebelum menjalinkan ikatan pernikahan adalah aspek yang tidak boleh diabaikan. Tempoh ini juga tempoh penting ke arah pembinaan rumah tangga yang bahagia dan diredai Allah SWT.

Islam mengajarkan bahawa sesi perkenalan antara lelaki dan perempuan ataupun pertunangan bukanlah lesen untuk berkelakuan bebas seperti suami isteri. Akhlak dalam tempoh ini perlu dijaga agar hubungan antara pasangan bakal suami dan isteri tidak terpesong daripada landasan syarak.

Dalam tempoh praperkahwinan, ada beberapa garis panduan akhlak yang perlu diperhatikan:

1. Menjaga niat dalam perhubungan agar selari dengan kehendak syarak.

Niat perkahwinan perlulah diluruskan untuk mencapai keredaan Allah SWT, bukan sekadar desakan nafsu atau adat semata-mata. Umar al-Khattab r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَىٰ.

Maksudnya: *“Sesungguhnya setiap amalan bergantung pada niat dan sesungguhnya setiap seorang itu mengikut apa yang diniatkannya.”*

(Riwayat al-Bukhari, no. 1)

2. Menjaga batas pergaulan.

Pertunangan seharusnya menjadi ruang untuk mengenali nilai dan prinsip hidup bakal pasangan, bukannya untuk berbicara perkara-perkara yang melalaikan atau menjurus kepada maksiat apatah lagi bersentuhan secara fizikal mahupun khalwat.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”*

(Surah al-Isra’ 17: 32)

Ayat ini menjadi peringatan bahawa segala bentuk pergaulan yang membuka ruang kepada zina mesti dielakkan, termasuklah hubungan yang berlebihan ketika masih dalam tempoh pertunangan.

3. Mempersiapkan diri dengan ilmu dan tanggungjawab.

Tempoh sebelum perkahwinan adalah tempoh yang sepatutnya setiap pasangan mengambil cakna ilmu dan tanggungjawab yang bakal digalas ketika sudah berkahwin nanti. Hal ini termasuklah dari segi ilmu agama tentang peranan suami dan isteri, termasuklah persediaan dari sudut kewangan dan lain-lain.

4. Mengamalkan musyawarah dan istikharah.

Musyawarah ini seperti menurut Imam al-Nawawi dalam *al-Adzkar* adalah mendapatkan pandangan daripada orang yang dipercayai agamanya, pengalamannya, kebijaksanaannya, nasihatnya, kewarakannya dan kebaikan hatinya. Begitulah sifat-sifat yang dianjurkan kepada kita untuk mencari seseorang yang kita mahu dapatkan pandangan, nasihat dan berbincang dengannya.

Kemudian, tunaikanlah istikharah. Dalam hadis Jabir bin Abdillah r.a., beliau menyebutkan:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا الْإِسْتِخَارَةَ فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، كَالسُّورَةِ مِنَ الْقُرْآنِ: إِذَا هُمْ أَحَدُكُمْ بِالْأَمْرِ، فَلْيَرْكَعْ رَكَعَتَيْنِ.

Maksudnya: *“Nabi SAW mengajarkan kami istikharah dalam semua perkara sebagaimana (Nabi SAW mengajarkan kami) surah daripada al-Quran. (Nabi SAW bersabda:) “Sekiranya seseorang daripada kamu hendak melakukan sesuatu perkara, maka tunaikanlah dua rakaat solat.”*

(Riwayat al-Bukhari, no. 6382)

Jelaslah di sini bahawa akhlak praperkahwinan mempunyai peranan yang penting dalam membina persediaan jiwa, ilmu dan tanggungjawab kekeluargaan kelak.

Pertunangan yang dipelihara dengan akhlak akan membuka pintu kepada perkahwinan yang diberkati, manakala kelalaian dalam tempoh ini boleh menjerumuskan pasangan ke lembah dosa dan penyesalan.

MEMBENTUK ASAS RUMAH TANGGA BERAKHLAK

Rumah tangga berakhlak tidak lahir dengan sendirinya tetapi dibina melalui peranan bersama antara suami dengan isteri. Kedua-duanya perlu bersepakat dalam menetapkan nilai dan hala tuju keluarga yang berpaksikan syariat Islam.

Firman Allah SWT:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: *“Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan cara yang baik.”*

(Surah al-Nisa’ 4:19)

Kata Ibnu Kathir dalam *Tafsir Ibnu Kathir*, jil. 2, hlm. 212 mentafsirkan ayat ini, “Perelokkanlah kata-kata kamu kepada mereka (isteri-isteri), dan perbaikilah perbuatan serta penampilan kamu sekadar kemampuanmu, sebagaimana kamu suka ia dilakukan olehnya (isteri) kepadamu. Maka lakukanlah hal yang sama kepadanya.”

Hal ini menunjukkan bahawa asas hubungan suami isteri mestilah berpaksikan *mu'asyarah bil ma'ruf*, iaitu kehidupan, pergaulan dan tanggungjawab bersama suami isteri selari dengan akhlak yang baik. Kedua-dua suami dan isteri mempunyai tanggungjawab dalam membentuk budaya keluarga yang subur dengan akhlak Islam.

Untuk membentuk budaya keluarga berakhlak, beberapa perkara penting perlulah ditekankan, termasuklah:

1. Menetapkan hala tuju keluarga.

Tujuan perkahwinan mesti jelas. Suami isteri bukan sekadar berjanji untuk hidup bersama, namun lebih daripada itu adalah untuk membina keluarga yang dekat dengan Allah SWT dan menunaikan amanah sebagai hamba-Nya.

2. Mewujudkan budaya amal ibadah dalam rumah.

Rumah tangga berakhlak adalah rumah tangga yang subur dengan amal ibadah. Kedua-dua suami isteri saling mengingatkan peranan mereka sebagai **hamba** Allah SWT.

3. Membudayakan komunikasi berakhlak.

Pertuturan yang lembut, saling menasihati dan menjauhi kata-kata kasar adalah asas keharmonian sesebuah keluarga.

Asas rumah tangga berakhlak bermula daripada niat yang ikhlas, penghayatan nilai agama dan usaha berterusan suami isteri untuk mengekalkan budaya Islam dalam kehidupan harian.

Apabila akhlak dijadikan teras yang penting, rumah tangga yang didirikan umpama taman syurga di dunia yang membawa ketenangan, penuh kasih sayang dan lahirnya generasi yang soleh dan solehah. Begitulah harapan sebuah keluarga yang mendambakan syurga dunia dan akhirat.

PENUTUP

Sesungguhnya membina keluarga berteraskan akhlak adalah kunci utama bagi seorang Muslim dalam menggapai keredaan Allah SWT. Keluarga ialah asas utama kepada masyarakat. Apabila ia dihiasi dengan akhlak, maka lahirlah generasi yang baik. Apabila ia rosak, maka rapuhlah masyarakat.

Tanggungjawab mendidik keluarga dengan iman dan akhlak adalah kewajipan yang tidak boleh dipandang ringan. Tanggungjawab ini bukan hanya terletak pada bahu seorang suami mahu pun isteri semata-mata, tetapi ia merupakan usaha bersama untuk memastikan rumah tangga yang dibina berada di jalan yang diredai Allah SWT.

Rasulullah SAW juga menegaskan bahawa misi Baginda diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

Maksudnya: *“Sesungguhnya aku hanya diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”*

(Riwayat Ahmad, no. 8952)

Menurut pentahkik, Sheikh Syu'aib al-Arna'ut dan selainnya, hadis ini *sahih*. Hadis ini memberi isyarat jelas bahawa syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW, termasuklah perkahwinan dan pembinaan keluarga mestilah bertujuan melahirkan insan yang berakhlak.

Jelas sekali, keluarga berakhlak adalah jalan yang mesti diambil untuk meraih keberkatan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Rumah tangga yang dihiasi sakinah, mawaddah dan rahmah, selain daripada membahagiakan pasangan, turut menjadi aset berharga bagi umat Islam seluruhnya.

SESI KEDUA

MENGEMUDI RUMAH TANGGA DENGAN KASIH SAYANG

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan mempelajari prinsip-prinsip akhlak antara suami isteri seperti adab dalam berkomunikasi, toleransi, menjaga rahsia pasangan dan menyelesaikan konflik secara hikmah.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Komunikasi Suami Isteri
- Mengurus Perbezaan dan Cabaran dengan Bijaksana
- Menjaga Aib Pasangan
- Membina Keserasian Emosi dan Rohani

SESI KEDUA: MENGEMUDI RUMAH TANGGA DENGAN KASIH SAYANG

PENDAHULUAN

Rasulullah SAW adalah teladan terbaik dalam akhlaknya terhadap keluarga. Aisyah r.ha. meriwayatkan bahawa Baginda SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya: *“Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap keluargaku.”*

(Riwayat al-Tirmizi, no. 3895. Hadis ini hasan sahih)

Akhlak seseorang tidak boleh sekadar dilihat dan diukur oleh penampilannya di luar pada mata masyarakat. Akhlak sebenar seorang Muslim perlu juga dilihat bahkan terserlah dalam rumah tangganya.

Dalam konteks akhlak, tanggungjawab suami isteri tidak hanya dihitung pada menunaikan hak berbentuk material. Ia juga termasuklah pelbagai aspek yang lain iaitu menjaga tutur kata, menyemai sifat sabar tatkala diuji, menunjukkan penghargaan dan kasih, menjadikan rumah sebagai tempat yang meneduhkan lagi menenangkan, bukan pula medan pertengkaran dan lain-lain.

Tanggungjawab akhlak dalam rumah tangga adalah asas kesejahteraan hidup suami isteri. Keluarga yang harmoni akhlaknya akan membuatkan rumahnya menjadi ibarat syurganya, seperti pepatah yang menyebut, *baiti jannati*, atau rumahku syurgaku.

KOMUNIKASI SUAMI ISTERI

Komunikasi adalah nadi dalam rumah tangga. Suami dan isteri yang berbicara berlandaskan akhlak akan menatijahkan suasana penuh kasih sayang dalam keluarga. Komunikasi yang kasar dan tidak beradab boleh menjadi menjadi punca keretakan hubungan rumah tangga.

Al-Quran menyebutkan bahawa perkataan yang baik adalah ibarat pohon yang subur, yang pastinya memberikan teduhan yang tenang dan manfaat yang melimpah.

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ

Maksudnya: “Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, yaitu: kalimah yang baik adalah sebagai pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit.”

(Surah Ibrahim 14: 24)

Rasulullah SAW sendiri pula mencontohkan perkataan yang baik itu sebagai satu sedekah yang bernilai ibadah. Daripada Abu Hurairah r.a., sabda Baginda SAW:

”وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ

Maksudnya: “Dan perkataan yang baik itu adalah sedekah.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 2989 dan Muslim, no. 1009)

Setiap tutur kata yang lembut meskipun ringkas adalah ibadah yang bernilai di sisi Allah SWT. Senyuman, ucapan terima kasih mahupun kata-kata sokongan menjadi sedekah yang menyuburkan kasih sayang.

Antara panduan komunikasi rumah tangga yang baik ialah:

1. Mengutamakan percakapan yang baik dan lemah-lembut.

Percakapan yang baik dan tutur kata yang tidak kasar lebih mendekatkan hati pendengar. Pasangan yang sentiasa mengutamakan percakapan yang baik dan lemah-lembut akan lebih mudah dalam memahami dan menghargai komunikasi hari ke hari mereka.

2. Mendengar dengan sabar.

Mendengar adalah sebahagian daripada komunikasi. Pasangan yang mendengar dengan penuh perhatian sebenarnya juga sedang menzahirkan kasih sayang.

3. Mengelakkan kata-kata menyakitkan.

Kata-kata yang menyakitkan ibarat paku yang dipukul ke dalam dinding. Apabila dicabut, kesannya masih tetap ada. Begitulah kata-kata yang menyakitkan, ia meninggalkan kesan yang tidak sepatutnya, lebih-lebih lagi kepada pasangan, yang seberhaknya menerima perkataan-perkataan yang baik.

4. Menyelesaikan konflik dengan hikmah.

Apabila berlaku perselisihan, gunakan komunikasi yang matang, bukan cercaan atau cacian. Perselisihan yang berlaku perlu ditangani dengan solusi yang mendamaikan.

MENGURUS PERBEZAAN DAN CABARAN DENGAN BIJAKSANA

Setiap rumah tangga yang dibina pasti berdepan dengan cabarannya yang tersendiri. Suami dan isteri datang daripada latar belakang, watak dan pengalaman hidup yang berbeza.

Perbezaan ini bukanlah untuk dijadikan modal pergaduhan, mahupun permusuhan. Bahkan bukan pula dijadikan alasan untuk merendah-rendahkan, menghina atau memperlekeh pasangan.

Usahlah terjebak ke lembah buli-membuli dalam rumah tangga yang akhirnya membinasakan. Rumah tangga yang dibina inilah medan kasih sayang untuk disebarikan ke seluruh alam, bukan pula menjadi sarang merebaknya rantai budaya buli daripada suami dan isteri, anak-anak dan seterusnya ke masyarakat di luar sana.

Inilah pentingnya akhlak dalam menguruskan perbezaan. Inilah pentingnya akhlak dalam menghadapi cabaran yang ada dalam rumah tangga. Perbezaan yang ada, bukanlah alasan untuk membiarkan pertelingkahan ini berpanjangan. Sebaliknya merupakan peluang untuk pasangan suami isteri ini saling melengkapi antara satu sama lain.

Firman Allah SWT:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

Maksudnya: *“Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian, jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah lakunya, janganlah terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).”*

(Surah al-Nisa' 4: 19)

Tidak semua perkara yang dilalui ketika alam perkahwinan ini akan sempurna. Ada kelemahan dan kekurangan yang mesti ditangani dengan sabar kerana di sebalik kelemahan itu mungkin ada kebaikan besar yang Allah SWT tetapkan sebagaimana yang dipelajari daripada ayat al-Quran di atas.

Bahkan, Rasulullah SAW juga mengajarkan pentingnya melihat sisi baik seseorang itu. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Baginda SAW bersabda:

لَا يَفْرَكُ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنَةً. إِنْ كَرِهَ مِنْهَا خُلُقًا، رَضِيَ مِنْهَا آخَرَ

Maksudnya: “Janganlah seorang Mukmin membenci seorang Mukminah (isterinya). Jika dia tidak menyukai suatu akhlak atau sifatnya, dia akan reda dengan sifatnya yang lain.”

(Riwayat Muslim, no. 1469)

Kata Imam al-Nawawi berdasarkan *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, jil. 10, hlm. 58, “Maksudnya, tidak sepatutnya seseorang membenci isterinya. Hal ini demikian kerana jika dia mendapati satu akhlak yang tidak disukai, pasti ada akhlak lain yang disenangi. Contohnya, mungkin isterinya agak keras atau kasar perangainya, namun begitu dia juga taat beragama, atau cantik, atau menjaga kehormatan, atau lemah lembut terhadap suami, dan seumpamanya.”

Antara pendekatan yang boleh dicadangkan dalam menguruskan konflik ataupun perselisihan faham antara suami dan isteri ialah:

1. Bersabar dan menahan emosi.

Sabar adalah benteng utama ketika berlakunya perselisihan. Berbanding mengambil tindakan melulu dalam memberi respons, bersabarlah dan berikan ruang bertenang kepada diri sendiri dan pasangan.

2. Berkomunikasi dengan hikmah.

Elakkan berkasar dalam percakapan, pilih waktu yang sesuai sekiranya ada teguran dan gunakan kata-kata atau nasihat yang mencerminkan tujuan yang baik.

3. Mengutamakan *musyawarah* atau perbincangan.

Rasulullah SAW sering bermusyawarah dengan para sahabatnya termasuklah dengan isteri-isteri Baginda. Ia menunjukkan betapa pentingnya perbincangan dalam kehidupan seorang Muslim termasuklah rumah tangga.

4. Mencari jalan damai.

Setiap kali berlaku konflik atau pertelingkahan, berfikirlah untuk mencari jalan penyelesaian yang damai. Ada perkara yang boleh dikendalikan, ada perkara yang boleh ditolak-ansurkan.

Apabila pasangan suami dan isteri menjadikan kasih sayang dan reda Allah sebagai matlamat perkahwinan, maka sudah pastilah ujian yang mendatang sepatutnya menjadi peluang untuk memperkukuh hubungan, bukan pula memusnahkan.

MENJAGA AIB PASANGAN

Salah satu asas penting dalam membina rumah tangga yang sihat ialah kemampuan suami dan isteri menjaga aib serta memelihara maruah antara satu sama lain. Rumah tangga adalah tempat perlindungan, bukan gelanggang membuka kelemahan pasangan.

Bahkan ada kata-kata yang menyebut, sekiranya berlaku apa-apa di dalam rumah, tutuplah pintu dahulu agar orang luar tidak mengetahuinya.

Agama Islam sendiri sangat menekankan konsep menutup aib kerana ia sebahagian daripada akhlak mulia. Bahkan tuntutan menutup aib ini merupakan tuntutan umum, tidak kira aib sesiapa pun, termasuklah pasangan suami atau isteri.

Daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya: *“Sesiapa yang menutup keaiban seseorang Muslim, Allah SWT akan menutup keaibannya di dunia dan akhirat.”*

(Riwayat Muslim, no. 2699)

Suami dan isteri ini diibaratkan sebagai pakaian yang menutupi sebagaimana firman Allah SWT:

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ

Maksudnya: *“Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka.”*

(Surah al-Baqarah 2: 187)

Kata al-Gharib al-Asfahani, “Allah menjadikan pakaian sebagai kiasan kepada pasangan suami isteri kerana masing-masing menjadi penutup bagi diri sendiri dan pasangannya daripada terlihat perkara yang buruk, sebagaimana pakaian menutup aurat daripada kelihatan.” Boleh dirujuk di dalam kitab *Tafsir al-Gharib al-Asfahani*, jil. 1, hlm. 398.

Suami dan isteri diibaratkan sebagai pakaian yang sepatutnya saling menutup kekurangan, melindungi maruah dan menghiasi kehidupan masing-masing. Justeru, mendedahkan aib pasangan bertentangan dengan falsafah dan hikmah perkahwinan itu sendiri. Mendedahkan rahsia pasangan adalah pengkhianatan terhadap amanah perkahwinan.

Beberapa panduan umum dalam menjaga aib pasangan adalah:

1. Menutup kelemahan pasangan.

Kelemahan atau keburukan yang kita dapati pada pasangan kita, usahlah disebarikan kepada orang lain. Tanggungjawab pasangan untuk saling menutupinya.

1. Tidak memburukkan pasangan di hadapan orang lain.

Tanpa sebarang sebab yang kukuh atau tujuan syarak yang dibenarkan, perbuatan mengadu atau memburuk-burukkan pasangan hanya mengundang kebencian dan fitnah.

2. Membetulkan kesilapan secara tertutup.

Sekiranya pasangan ada kekurangan, bimbinglah dengan lemah lembut di rumah, bukan dengan menegur secara terbuka sehingga menjatuhkan maruahnya.

3. Menghargai kebaikan lebih daripada memperbesar kelemahan.

Kebaikan yang lebih banyak sepatutnya perlu diambil kira berbanding satu atau dua kelemahan kecil.

MEMBINA KESERASIAN EMOSI DAN ROHANI

Kebahagiaan dalam berumah tangga hadir apabila pasangan suami isteri serasi dari sudut emosi dan rohaninya. Sudah pastilah ia hadir dek kerana keselarian dan keharmonian hati dan jiwa pasangan suami isteri yang tidak datang secara kebetulan. Ia datang hasil usaha mulia dan berterusan kedua-dua belah pasangan dalam memahami isi hati masing-masing.

Di sinilah peranan akhlak. Kehidupan berumah tangga ibarat sebuah pelayaran. Ada masa lautnya tenang, ada ketika ombak datang menggoyang. Akhlaklah yang menjadi layar yang meneguhkan bahtera, agar kasih dan sayang tidak karam di tengah gelombang. Tanpa akhlak, emosi akan dikuasai nafsu, rohani pula kehilangan arah. Namun bila akhlak menjadi panduan, maka setiap rasa dan jiwa berada di bawah pimpinan iman.

Akhlak yang mulia seperti sabar, syukur, lemah lembut dan tolak ansur, adalah ubat bagi setiap kekacauan emosi. Ia juga merupakan cahaya yang menenangkan jiwa ketika perasaan manusiawi datang bersilih ganti.

Lihatlah bagaimana Allah SWT berfirman:

وَالْكُظُمِينَ الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: *“(Orang-orang yang bertakwa) iaitu orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah) Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.”*

(Surah Ali ‘Imran 3: 134)

Lihatlah bagaiman akhlak berperanan sebagai benteng emosi. Orang yang berakhlak tahu bila perlu diam, bukan kerana lemah, tetapi kerana ingin menjaga ketenangan hati dan maruah hubungan. Dalam rumah tangga, sifat menahan marah, memberi maaf dan berbuat ihsan adalah tanda kedewasaan rohani.

Aisyah r.ha. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pula ada bersabda:

إِنَّ الرِّفْقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ، وَلَا يُنْزَعُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا شَانَهُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya kelembutan itu tidaklah ada pada sesuatu melainkan ia memperindahkannya, dan tidaklah dicabut daripada sesuatu melainkan ia mencacatkannya.”*

(Riwayat Muslim, no. 2594)

Sebagaimana yang dicontohkan dalam hadis Nabi SAW, kelembutan (*rifq*) dalam perhubungan adalah contoh akhlak yang mempercantik emosi dan rohani. Suami yang berlemah-lembut tidak mudah marah-marah bila diuji, isteri yang berlemah-lembut pula tidak menambah api tatkala timbul salah faham. Daripada kelembutan, lahirlah kasih. Daripada kasih, lahirlah ketenangan.

Keluarga tanpa akhlak ibarat jasad tanpa roh. Kelihatan hidup, tetapi tidak berjiwa. Apabila akhlak menjadi panduan, setiap teguran membentuk kasih, setiap ujian membantu jiwa mendekat kepada Allah SWT.

PENUTUP

Rumah tangga yang bahagia terbina dengan keindahan akhlak yang mewarnai setiap perhubungan. Apabila suami isteri berakhlak dalam tutur kata, sabar dalam perhubungan dan komunikasi, menjaga maruah masing-masing serta berusaha sedaya upaya menjaga segenap aspek akhlak rumah tangga, maka insya-Allah lahirlah rumah tangga yang tenang, bahagia dan diberkati Allah SWT.

Rumah tangga yang dibina ini diharapkan dapat menjadi tempat yang menenangkan dan menyamankan, sebagaimana firman Allah SWT:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا

Maksudnya: “Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) sebagai tempat tinggal).”

(Surah al-Nahl 16: 80)

Al-Sya’rawi ketika mentafsirkan perkataan (سَكَنًا) dalam ayat ini mendatangkan firman Allah SWT kepada Nabi Adam a.s. yang menggunakan perkataan yang sama, iaitu:

أَسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ

Maksudnya: “أَسْكُنْ (Tinggallah) engkau dan isterimu dalam syurga.”

(Surah al-Baqarah 2: 35)

Kata al-Sya’rawi, “Yakni tempat yang di dalamnya terdapat ketenangan dan kenikmatan kamu.” (*Tafsir al-Sya’rawi*, jil. 13, hlm. 8124)

Membentuk rumah tangga yang berakhlak diibaratkan bagai membina sebuah taman syurga yang menenangkan dan menenteramkan di dunia, dan akhirnya menjadi jambatan menuju syurga hakiki, yang menemukan kepada ketenangan dan kebahagiaan abadi di akhirat.

SESI KETIGA

MENYEMAI AKHLAK DALAM DIRI ANAK- ANAK

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami bagaimana ibu bapa berperanan sebagai *qudwah* (*role model*) yang terbaik kepada anak-anak berserta nilai-nilai akhlak yang berkaitan dalam membentuk akhlak anak-anak.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- *Qudwah Hasanah* dalam Mendidik
- Akhlak Menegur Anak
- Mendidik Anak dengan Doa
- Menyemai Sifat Tanggungjawab dan Empati

SESI KETIGA: MENYEMAI AKHLAK DALAM DIRI ANAK-ANAK

PENDAHULUAN

Anak merupakan anugerah terindah. Pada masa yang sama, anak juga merupakan amanah yang amat besar daripada Allah SWT. Setiap ibu bapa perlu sedar bahawa kelahiran seorang anak bukanlah bermakna sekadar melengkapkan fitrah kekeluargaan. Bahkan ia datang bersama dengan tanggungjawab yang besar untuk dibimbing, dididik dan dibentuk akhlakunya.

Tanpa akhlak, anak-anak akan menjadi seperti kapal yang berlayar tanpa arah, terumbang-ambing di tengah lautan dunia yang penuh gelombang.

Allah SWT telah menjelaskan dalam al-Quran tentang kepentingan untuk menjaga diri kita dan keluarga kita. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka.”*

(Surah al-Tahrim 66: 6)

Ayat ini menuntut agar setiap daripada kita untuk memastikan rumah tangga yang dibina menjadi benteng daripada api neraka. Qatadah dalam mentafsirkan ayat ini menyebut, “Perintahkanlah mereka supaya taat kepada Allah dan laranglah mereka daripada bermaksiat kepada-Nya. Hendaklah kamu menegakkan perintah Allah dalam urusan mereka, memerintahkan mereka dengannya, dan membantu mereka melaksanakannya. Jika kamu melihat maksiat kepada Allah SWT, maka tegahlah mereka daripadanya dan laranglah mereka daripadanya.” [*Tafsir Ibnu Kathir*, jil. 8, hlm. 188 - 189]

Mendidik anak jelas sekali adalah amanah yang berat. Namun di sebalik tugas sukar dan berat itu, ibu bapalah para pendidik pertama dan utama dalam mencorak keberhasilan seseorang anak yang pintar lagi soleh, menjadi penyejuk mata dan pewaris legasi umat yang berakhlak.

QUDWAH HASANAH DALAM MENDIDIK

Salah satu cara paling berkesan dalam pendidikan akhlak anak-anak ialah melalui teladan. Anak-anak bukan hanya belajar melalui pembacaan dan pendengaran, namun mereka juga membesar dan mendewasa melalui kedua-dua belah mata mereka. Apa yang mereka lihat hari ke hari perbuatan ibu bapa mereka akan membentuk akhlak dan tabiat mereka. Seperti pepatah Inggeris yang menyebut, *action speaks louder than words*, atau sesuatu perbuatan itu lebih lantang daripada perkataan.

Begitulah Rasulullah SAW yang telah menjadi sebaik-baik teladan bukan sahaja kepada anak-anak Baginda, bahkan kepada para sahabat, kepada sesiapa pun di sekeliling Baginda dan sehinggalah kepada kita seluruhnya. Hal ini dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

(Surah al-Ahzab 33: 21)

Pepatah Melayu ada menyebut, “Bagaimana acuan, begitulah kuihnya.” Jika ibu bapa kasar dalam tutur katanya, tak mustahil anak-anak juga begitu. Jika ibu bapa rajin membaca al-Quran, anak-anak juga akan terdorong untuk mencintai al-Quran.

Kata Ibn Qayyim al-Jawziyyah, “Antara perkara yang sangat-sangat diperlukan bagi seorang anak kecil ialah perhatian yang serius terhadap pembentukan akhlaknya. Hal ini demikian kerana seorang anak akan membesar mengikut apa yang dibiasakan oleh pendidiknya ketika kecil, sama ada sifat keras kepala, cepat marah, suka bertegas, gopoh, bertindak mengikut hawa nafsu, cuai, kasar, atau tamak.

Apabila sifat-sifat ini telah terbentuk dalam dirinya, maka ketika dewasa kelak amat sukar baginya untuk menghilangkannya. Tabiat-tabiat ini akan menjadi sifat tetap yang mengakar dalam diri. Sekalipun dia berhati-hati dan cuba menjauhinya sedaya mungkin, ia tetap akan terserlah juga suatu hari nanti.

“Kerana itu engkau akan mendapati bahawa kebanyakan manusia yang memiliki akhlak menyimpang, hal itu berpunca daripada cara didikan mereka ketika dibesarkan.” [*Tuhfat al-Mawdud*, hlm. 240]

Maka, ibu bapa yang mahu anaknya berakhlak mulia, mestilah terlebih dahulu menjadi *qudwah hasanah* dalam tutur dan tindakan. Anak-anak yang melihat dan mempelajari sifat mulia akan mendewasa dan menumbuh dengan akhlak yang mulia, lalu akan membawanya ke dunia luar, dan menebarkannya sebagai rahmat kepada masyarakat.

Inilah yang kita pelajari dalam sekecil-kecil contoh bagaimana Nabi SAW menyemai teladan yang baik agar nanti akan diikuti oleh anak-anak kecil kita. Kisah sebegini diceritakan sebagai contoh dalam riwayat yang disampaikan oleh Abu Hurairah r.a. ini.

Pernah satu ketika Rasulullah SAW mencium al-Hasan bin Ali r.huma., dan waktu itu al-Aqra' bin Habis al-Tamimi RA sedang duduk bersama Baginda SAW.

Lalu al-Aqra' pun berkata, “Aku mempunyai sepuluh orang anak, namun aku tidak pernah mencium seorang pun daripada mereka.”

Maka Rasulullah SAW memandang kepadanya kemudian bersabda,

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرَحَمُ

Maksudnya: “Sesiapa yang tidak mengasihi, dia tidak akan dikasihi.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 5997)

AKHLAK MENEGUR ANAK

Menegur anak adalah sebahagian daripada pendidikan, namun seni menegur mestilah dibalut dengan akhlak dan hikmah. Tersilap langkah dalam menegur boleh jadi dilihat terlalu keras dan menggores. Ia melukakan jiwa sang anak yang ditegur, lalu kesudahannya menjauhkannya daripada niat baik yang ingin disampaikan.

Sebaliknya, teguran yang berhikmah dengan penuh keikhlasan, insya-Allah akan sampai dan menyerap ke dalam jiwa lalu membentuk akhlak yang baik.

Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik.”

(Surah an-Nahl 16: 125)

Bahkan Anas bin Malik r.a. bercerita:

خَدَمْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ سِنِينَ. وَاللَّهِ، مَا قَالَ لِي أَفَّا قَطُّ. وَلَا قَالَ لِي لَشَيْءٍ، لِمَ فَعَلْتَ كَذَا؟ وَهَلَّا فَعَلْتَ كَذَا؟

Maksudnya: “Aku berkhidmat kepada Rasulullah SAW selama sepuluh tahun. Demi Allah, Baginda tidak pernah sekalipun berkata kepadaku ‘ah’. Baginda juga tidak pernah sekalipun mengatakan kepadaku tentang suatu perkara, ‘Mengapa Engkau melakukan sedemikian?’ atau ‘Mengapa tidak engkau lakukan sedemikian?’”

(Riwayat Muslim, no. 2309)

Kenyataan Anas r.a. ini menunjukkan betapa Baginda SAW begitu menjaga tutur kata Baginda sekalipun dengan orang yang berkhidmat kepada Baginda SAW. Ia bukanlah bermaksud Baginda SAW langsung tidak menegur anak kecil, namun cara dan tutur kata Baginda SAW itulah yang menjadi sebaik-baik teladan buat kita semua.

Lihatlah sebagai contoh ketika Nabi SAW menegur ‘Umar bin Abu Salamah. Kata ‘Umar bin Abu Salamah:

كُنْتُ غُلَامًا فِي حِجْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَكَانَتْ يَدَيَّ تَطِيشُ فِي الصَّحْفَةِ. فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا غُلَامُ، سَمِّ اللَّهَ، وَكُلْ بِيَمِينِكَ، وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ.

Maksudnya: “Dahulunya aku pernah menjadi seorang budak kecil di bawah jagaan Rasulullah SAW. Tangan aku sering bergerak ke sana sini di dalam pinggan (ketika makan). Lalu Rasulullah SAW bersabda kepadaku, ‘Wahai anak kecil, sebutlah nama Allah (bismillah), makanlah dengan tangan kananmu, dan makanlah apa yang dekat denganmu.’”

Teguran Nabi SAW memberi dampak positif kepada ‘Umar bin Abu Salamah. Pada penghujung hadis tersebut, ‘Umar bin Abu Salamah ucapkan:

فَمَا زِلْتُ تِلْكَ طِعْمَتِي بَعْدُ.

“Sejak itu, itulah cara makan yang aku amalkan.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 5376)

Dengan akhlak yang tulus murni dalam menegur, anak-anak akan merasakan kasih sayangnya, lalu teguran dan nasihat itu akan meresap ke dalam jiwa mereka.

MENDIDIK ANAK DENGAN DOA

Doa adalah senjata utama seorang Muslim. Ia juga menjadi tiang penting dalam pendidikan anak-anak. Usaha mendidik anak-anak dengan nasihat, teladan dan disiplin adalah wasilah yang kita boleh usahakan. Namun, keberkatan dan taufik itu sentiasalah datang daripada Allah SWT. Doa ibu bapa adalah suatu bekal rohani yang sangat besar peranannya dalam pembentukan akhlak anak-anak.

Para nabi menjadikan doa sebagai usaha utama mereka dalam mendidik anak-anak. Nabi Ibrahim a.s. mendoakan agar anak zuriatnya sentiasa mendirikan solat:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءَ

Maksudnya: *“Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.”*

(Surah Ibrahim 14: 40)

Nabi Zakaria a.s. pula berdoa agar dikurniakan zuriat yang soleh:

رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ

Maksudnya: *“Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik; sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (menerima) doa permohonan.”*

(Surah Ali ‘Imran 3: 38)

Bukan sahaja ketika anak-anak sudah berada bersama kita, bahkan ketika belum lagi anak-anak ini lahir, kita sudah panjatkan ketulusan doa kita kepada Allah SWT.

Rasulullah SAW mendoakan cucunya Hasan dan Husain r.huma. dengan doa perlindungan. Ibnu Abbas r.huma. meriwayatkan:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَوِّذُ الْحُسَيْنَ وَالْحُسَيْنَ. وَيَقُولُ: إِنَّ أَبَاكُمَا كَانَ يُعَوِّذُ بِهَا إِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ. أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ.

Maksudnya: “Nabi SAW pernah membacakan doa perlindungan untuk al-Hasan dan al-Husain. Baginda bersabda, ‘Sesungguhnya bapa kamu berdua (iaitu Nabi Ibrahim) dahulu juga membacakan doa ini untuk Ismail dan Ishaq. (Doanya ialah:)

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ، وَهَامَّةٍ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ.

Maksudnya: ‘Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada setiap syaitan, binatang yang berbisa, dan daripada setiap pandangan memberi kesan buruk.’”

(Riwayat al-Bukhari, no. 3371)

Begitulah teladan Rasulullah SAW yang mendidik kita agar anak-anak ini bukan hanya dibentuk dengan nasihat dan tunjuk ajar, namun juga dengan doa yang menjadi benteng perlindungan mereka.

Ketahuiilah bahawa doa ibu bapa sungguh mustajab dan besar peranannya. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

ثَلَاثَ دَعَوَاتٍ مُسْتَجَابَاتٌ لَا شَكَّ فِيهِنَّ: دَعْوَةُ الْمَظْلُومِ، وَدَعْوَةُ الْمُسَافِرِ، وَدَعْوَةُ الْوَالِدِ عَلَى وَلَدِهِ.

Maksudnya: “Tiga doa yang pasti dimakbulkan tanpa sebarang keraguan ialah doa orang yang dizalimi, doa orang yang bermusafir, dan doa orang tua (ibu bapa) terhadap anaknya.”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 1905. Hadis ini adalah hadis hasan)

Lihatlah sahaja bagaimana kisah Imam al-Bukhari yang diuji dengan kehilangan penglihatannya ketika waktu kecil. Lalu, ibunya pernah bermimpi bertemu Nabi Ibrahim a.s. yang memberi khabar gembira bahawa Allah SWT telah menyembuhkan, mengembalikan penglihatan anaknya kerana banyaknya doa (atau tangisan) yang telah dipanjatkan oleh sang ibu kepada Allah SWT.

Pada keesokan paginya, anak kecil itu kembali elok penglihatannya. Bahkan Imam al-Bukhari membesar menjadi seorang ulama hadis agung yang begitu besar jasanya kepada umat Islam seluruhnya. [*Al-Bidayah wa al-Nihayah*, jil. 14, hlm. 528]

Begitulah ajaib dan pentingnya doa ibu bapa buat anak-anak. Teruskanlah berdoa, meminta kebaikan, perlindungan dan pengharapan kepada Tuhan sekalian alam.

MENYEMAI SIFAT TANGGUNGJAWAB DAN EMPATI

Salah satu matlamat yang besar dalam mendidik anak ialah membentuk mereka menjadi insan yang bukan sahaja baik secara individunya, namun juga bertanggungjawab dan mempunyai rasa empati terhadap keluarga dan masyarakat.

Tanpa rasa kebertanggungjawaban, seseorang anak dikhuatiri membesar dengan jiwa yang lalai, mementingkan diri sendiri dan langsung tidak peduli pada orang lain. Begitu juga halnya tanpa empati, tidak terbit rasa kasih sayang sesama insan, tidak mampu untuk menyelami dan memahami perasaan orang lain, bahkan akhirnya membesar sebagai generasi yang ditakuti keras hati.

Agama Islam ini mendidik kita semua bahawa akan kesedaran bahawa setiap daripada kita ini pemimpin yang akan ditanya tentang amanahnya. Ibnu Umar r.huma. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: *“Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan ditanya tentang kepimpinannya.”*

(Riwayat al-Bukhari, no. 5200)

Setiap daripada kita ada yang perlu dipimpin. Setiap pemimpin ada tanggungjawabnya yang tersendiri. Anak-anak perlu ditanamkan nilai tanggungjawab terhadap solatnya, pelajarannya, tugas dalam rumah, adab dalam pergaulan dan lain-lain. Mereka juga akan membesar sebagai mukallaf yang bertanggungjawab terhadap setiap tindak-tanduknya. Dengan menyemai nilai tanggungjawab ini sebaik yang mungkin, insya-Allah mereka akan membesar sebagai insan yang amanah dan tidak culas dengan tanggungjawabnya.

Dalam menyemai sikap empati pula kita lihat bagaimana yang dapat kita pelajari daripada kaum Ansar yang membantu golongan Muhajirin. Allah SWT memuji sikap mereka dalam al-Quran:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شَحْنًا نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhasratkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”

(Surah al-Hasyr 59: 9)

Ayat ini antara lain memaparkan kepada kita sifat *itsar*, atau mengutamakan orang lain berbanding diri sendiri yang antara lain bertitik tolak daripada sifat empati itu sendiri. Asas empati inilah yang jika disemaikan dengan sebaiknya, akan menatijahkan generasi yang dapat merasai dan menyantuni kesusahan orang lain.

Inilah juga asas penting yang disebut dalam hadis riwayat al-Nu'man bin Basyir r.a. di mana Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ، تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَى.

Maksudnya: “Perumpamaan orang-orang beriman dalam berkasih sayang, rahmat, dan simpati mereka adalah seperti satu tubuh. Apabila salah satu anggota badan berasa sakit, seluruh tubuh turut merasa sakit dengan berjaga malam dan demam.”

(Riwayat Muslim, no. 2586)

Menyemai sifat tanggungjawab dan empati dalam diri seseorang anak adalah suatu proses didikan yang bertujuan menjadikan anak itu seorang yang berjiwa besar, bukannya mementingkan diri. Anak-anak yang dipupuk dengan nilai ini akan membesar sebagai insan yang peduli, amanah dan sanggup berkorban demi orang lain.

Rumah tangga akan menjadi medan latihan pertama, dan masyarakat akan mendapat manfaat daripada generasi yang dilatih dengan akhlak ini.

PENUTUP

Anak-anak adalah cerminan masa hadapan. Mereka ibarat benih yang sedang menumbuh, menyubur di ladang kehidupan. Jika disirami dengan iman, kasih sayang, doa dan teladan, mereka akan tumbuh menjadi pohon akhlak yang rendah, yang menghasilkan buah-buahan yang ranum, lalu memberi teduhan dan bekalan berpanjangan kepada sekalian keluarga, masyarakat dan umat. Namun jika sebaliknya mereka dibiarkan tanpa asuhan dan bimbingan, mereka hanyalah akan menjadi pohon yang kering yang tidak memberi manfaat, bahkan mungkin membawa mudarat.

Oleh itu, akhlak para ibu bapa adalah nadi pembentukan generasi. Dengan mendidik anak-anak dalam acuan akhlak Islam, ibu bapa akan berterusan membina rumah tangga yang bahagia di dunia serta menjadi bekalan yang akan terus mengalir pahalanya hingga ke akhirat.

Kata Ibn al-Jauzi, “Ketahuilah bahawa fasa ini (fasa umur yang pertama), kebanyakannya berkaitan dengan kedua-dua ibu bapa. Mereka yang membesarkannya, mendidiknya dan membimbingnya ke arah segala maslahat dirinya. Maka tidak sepatutnya mereka lalai daripada mendidik dan mengajarnya. Sesungguhnya, ‘mendidik ketika waktu kecil ini seperti mengukir pada batu.’” [*Tanbih al-Na’im*, hlm. 39]

Pepatah Melayu turut menyebut, “Melentur buluh biarlah dari rebungnya.” Maksudnya, pendidikan akhlak mesti bermula sejak anak masih kecil. Apa yang dilentur ketika muda akan kekal menjadi tabiat hingga dewasa.

Ini semua juga mengingatkan kita kembali kepada firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata, ‘Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.’”

(Surah al-Furqan 25: 74)

SESI KEEMPAT

MENYUBURKAN NILAI AKHLAK DALAM KELUARGA BESAR

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan mempelajari kepentingan mengekalkan silaturahim, saling menyantuni dan mengurus perbezaan dengan berhemah dalam kalangan adik-beradik dan sanak saudara dalam mengekalkan keharmonian kekeluargaan.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Taat dan Kasih kepada Ibu Bapa
- Akhlak dengan Adik Beradik
- Menyantuni Sanak Saudara
- Ganjaran Silaturahim

SESI KELIMA: MENYUBURKAN NILAI AKHLAK DALAM KELUARGA BESAR

PENDAHULUAN

Keluarga adalah institusi pertama yang membentuk nilai masyarakat. Keluarga kecil yang sering kita sebutkan mungkin hanya terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak. Kita telah perincikan pada sesi sebelum ini tentang akhlak-akhlak yang berkaitan dengan mereka. Namun, kita juga tahu bahawa kita juga ada keluarga asal ataupun besar yang termasuklah ibu bapa, adik-beradik, sepupu dan sanak saudara yang lain.

Lebih indah lagi, hubungan kekeluargaan yang diikat oleh pertalian darah, juga disatukan oleh ikatan iman dan akhlak. Itulah keindahan sebuah keluarga Muslim. Ikatan inilah yang apabila diperkukuh, tidak akan mudah longgar dan terputus dek hanya mungkin kerana kepentingan dunia.

Allah SWT berfirman:

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya: *“Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahmi) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.”*

(Surah al-Nisa’ 4: 1)

TAAT DAN KASIH KEPADA IBU BAPA

Ibu bapa adalah pintu pertama kepada dunia akhlak seorang anak. Melalui merekalah seorang anak memeluk kasih, melatih disiplin, mengenal erti pengorbanan dan mempelajari makna sebuah amanah dan tanggungjawab. Maka tidak hairan apabila al-Quran meletakkan perintah berbuat baik kepada ibu bapa seiring dengan perintah mentauhidkan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Maksudnya: *“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa.”*

(Surah al-Isra' 17: 23)

Kata Wahbah al-Zuhaili, “Allah telah menggandingkan dalam banyak ayat, perintah untuk beribadah kepada-Nya dengan perintah supaya berbakti kepada kedua-dua ibu bapa dan berbuat baik kepada mereka dengan kebaikan yang sempurna dalam pergaulan dengan mereka.

Hal ini demikian kerana selepas Allah SWT yang merupakan sebab hakiki kewujudan manusia, kedua-dua ibu bapa menjadi sebab yang zahir bagi kelahiran anak-anak serta pembesaran mereka dalam suasana yang sarat dengan kasih sayang, kelembutan, belas ihsan dan pengorbanan.” [Al-Tafsir al-Munir, jil. 15, hlm. 54]

Dalam ayat yang sama, Allah SWT menegaskan bahkan sekecil-kecil atau sehalus-halus adab terhadap ibu bapa:

فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أَفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: “Maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan ‘Uff (Ah)’ dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

(Surah al-Isra' 17: 23)

Larangan mengucapkan “ah” menggambarkan bahawa sekecil-kecil akhlak kepada ibu bapa hendaklah dijaga, termasuklah nada suaranya, raut wajah, bahasa tubuh dan lain-lain. Jika keluhan kecil pun ditegah, apatah lagi kata-kata kasar atau sikap acuh tak acuh terhadap kedua-dua mereka.

Bahkan Rasulullah SAW meletakkan berbakti kepada ibu bapa sebagai antara amal yang paling utama. Abdullah bin Mas'ud pernah bertanya kepada Nabi SAW tentang apakah amalan yang paling dicintai Allah SWT, maka jawab Baginda SAW:

الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا.

Maksudnya: “Solat pada waktunya.”

Kemudiannya apa, ditanya lagi. Jawab Nabi SAW:

ثُمَّ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ.

Maksudnya: *“Kemudian berbakti kepada kedua-dua ibu bapa.”*

(Riwayat al-Bukhari, no. 527)

Taat dan kasih kepada ibu bapa adalah batu asas kepada seluruh bangunan akhlak kekeluargaan. Anak yang belajar menghormati ibu bapanya akan sepatutnya lebih mudah menghormati adik-beradik, sanak saudara dan masyarakat. Dari rumah yang dipenuhi *birr al-walidayn* (berbuat baik kepada ibu bapa), lahirlah keluarga besar yang berakhlak dan kehidupan yang diberkati.

AKHLAK DENGAN ADIK BERADIK

Hubungan adik-beradik adalah antara nikmat yang tidak boleh diambil mudah. Adik-beradik membesar di bawah satu bumbung, berkongsi kasih ibu dan ayah. Apabila dewasa, ujian harta, kedudukan dan perbezaan sikap boleh jadi mula mencipta ruang atau pun renggang antara mereka. Mungkin juga keakraban yang dahulunya dicipta di bawah bumbung yang sama, mula luntur pekat keeratannya dek kerana saling berjauhan.

Jika diikutkan, hubungan adik-beradik diibaratkan sebagai benteng terdekat selepas ibu bapa untuk menjadi tempat berteduh, saling menguatkan, dan menjadi jambatan kasih dalam keluarga. Sebaik mungkin, perelokkanlah dan damaikanlah hubungan sesama adik-beradik. Ia termasuk dalam umumnya ayat al-Quran yang Allah SWT firmankan:

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: *“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”*

(Surah al-Hujurat 49: 10)

Lihatlah bagaimana kisah adik-beradik Nabi Yusuf a.s. yang dirakamkan dalam al-Quran. Pada awalnya ia bermula dengan sifat cemburu dalam diri apabila mereka berkata:

إِذْ قَالُوا لَيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِنْنَا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: *“(Kisah itu bermula) ketika saudara-saudara Yusuf berkata (sesama sendiri), ‘Sesungguhnya Yusuf dan adiknya, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, padahal*

kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna). Sesungguhnya bapa kita adalah dalam keadaan tidak adil yang nyata.”

(Surah Yusuf 12: 8)

Namun begitu, al-Quran juga merakamkan bagaimana pemaafnya Nabi Yusuf a.s. ketika sudah pun berada di posisi yang berkuasa untuk membalas atau mengambil tindakan, namun Baginda memilih untuk memaafkan dan berkata sebagaimana yang disebut dalam al-Quran:

قَالَ لَا تَثْرِيبَ عَلَيْكُمُ الْيَوْمَ يَغْفِرُ اللَّهُ لَكُمْ وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya: “Yusuf berkata, ‘Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dialah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani.”

(Surah Yusuf 12: 92)

Begitulah tandanya bagaimana kematangan atau peningkatan iman ditonjolkan melalui akhlak di antara adik-beradik dengan bersabar, berlapang dada, mengusahakan perdamaian dan lain-lain.

Hormati yang tua, kasihi yang muda. Inilah apa yang dipelajari daripada hadis Nabi SAW juga. ‘Amr bin Syu’aib meriwayatkan daripada ayahnya, daripada datuknya, Nabi SAW bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يُوقِّرْ كَبِيرَنَا، وَيَرْحَمْ صَغِيرَنَا.

Maksudnya: “Bukan daripada kalangan kami orang yang tidak menghormati yang tua dan tidak menyayangi yang muda.”

(Riwayat Ahmad, no. 6937. Menurut pentahkik, Sheikh Syu’aib al-Arna’ut dan selainnya, hadis ini *sahih*.)

Akhlak yang baik sesama adik-beradik merupakan salah satu asas keutuhan keluarga. Meskipun mungkin ada berbeza atau tersalah faham, air yang dicincang, tidak sepatutnya putus. Dalam perbezaan, tetap ada kasih sayang. Dalam salah faham, tetap ada ruang untuk memaafkan.

MENYANTUNI SANAK SAUDARA

Silaturahmi yang kita eratkan bersama sanak saudara, tidaklah terhad ketika sambutan hari raya sahaja. Ziarah-menziarahi, saling bermaafan, mengucapkan salam sesama sanak saudara, boleh dibuat dan digalakkan pada bila-bila masa sahaja. Sanak saudara yang dekat dan yang jauh sekalipun, tetap juga dikasihi dan disantuni.

Hubungan dan pertalian antara sanak saudara dan kaum kerabat yang terbina ini juga dipandu oleh wahyu yang membimbing. Firman Allah SWT:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-
dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran
tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir
yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada
orang-orang yang sombong takbur dan membangga-bangga diri.”

(Surah al-Nisa’ 4: 36)

Perhatikan bagaimana Allah SWT meletakkan berbuat baik kepada kaum kerabat sebaris dan selepas daripada tauhid dan ihsan kepada ibu bapa, menunjukkan betapa tinggi kedudukan akhlak silaturahmi sesama kaum kerabat dalam Islam.

Betapa hubungan ini tidak sekadar diukur dengan kekerapan pertemuan semata-mata, namun juga dinilai dengan sejauh mana akhlak dan keprihatinan kita bersama sanak saudara. Usahlah berlebih-lebihan dan terlebih berbangga dengan apa yang kita ada atau capai sesama sanak-saudara, sebaliknya semailah kasih sayang dan hormat-menghormati dalam keluarga besar ini.

Bahkan Allah SWT akhiri ayat ini dengan memberitahu bahawa Dia tidak suka kepada mereka yang sombong dan membangga-bangga diri. Kata Ibnu Kathir dalam menghuraikannya, “(Mereka itu) ialah orang yang berasa megah dalam dirinya, kagum dengan dirinya sendiri, bersikap angkuh dan membanggakan diri di hadapan manusia. Dia memandang dirinya lebih baik daripada orang lain. Pada pandangannya sendiri dia besar, namun di sisi Allah dia hina, dan di sisi manusia pula dia dibenci.” [Tafsir Ibnu Kathir, jil. 3, hlm. 104]

Seboleh dan sebaik mungkin, usahakanlah ziarah-menziarahi, bertanya khabar, saling membantu, menghadiri majlis, dan menjaga tutur kata sesama sanak saudara.

GANJARAN SILATURAHIM

Perkataan silaturahmi berasal daripada dua kalimah, iaitu *silah* (hubungan/pertalian/tautan) dan *rahim*. Al-Gharib al-Asfahani menjelaskan maksud *rahim* dengan menyebutkan, “*Al-rahim* ialah rahim wanita.” Sambungnya lagi, “Daripada makna ini, istilah *al-rahim* dipinjamkan untuk merujuk kepada kaum kerabat kerana mereka keluar daripada satu rahim yang sama.” [*Al-Mufradat fi Gharib al-Qur’an*, hlm. 347.]

Menurut penjelasan dan kesimpulan Mufti Wilayah Persekutuan, maksud silaturahmi adalah menyambung hubungan antara kaum kerabat sama ada melalui garis keturunan atau melalui perkahwinan dengan pelbagai cara seperti mengunjungi mereka, memberi bantuan kepada mereka ketika memerlukan, mengambil cakna akan hal keadaan mereka dan seumpamanya. [Laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, pada artikel bertajuk Al-Kafi #1374: Maksud Hubungan Silaturrahim, bertarikh 29 September 2019]

Menyambung silaturahmi ini bukanlah hanya sekadar satu amalan masyarakat yang biasa, namun ia juga boleh dihitungkan sebagai ibadah yang besar ganjarannya di sisi Allah SWT. Lihatlah sebagai contoh hadis Nabi SAW.

Daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَأَنْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ.

Maksudnya: “Sesiapa yang ingin diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah dia menyambung silaturahmi.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 5985)

Kata Imam al-Nawawi, “Adapun silaturahmi, ia adalah berbuat ihsan kepada kaum kerabat menurut keadaan orang yang menyambung dan orang yang disambung hubungannya. Ada kalanya ia dilakukan dengan harta, ada kalanya dengan khidmat, ada kalanya dengan ziarah dan memberi salam serta cara-cara lain selain daripada itu.” [*Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, jil. 2, hlm. 201]

Kita dapat lihat daripada penjelasan Imam al-Nawawi ini pelbagai bentuk kebaikan yang boleh kita manfaatkan untuk digunakan sebagai cara dan wasilah untuk mengeratkan silaturahmi. Sesungguhnya ganjarannya besar sekali.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang menghubungkan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, dan yang menaruh bimbang akan kemurkaan Tuhan mereka, serta takut kepada kesukaran yang akan dihadapi semasa soal jawab dan hitungan amal (pada hari kiamat).”

(Surah al-Ra'd 13: 21)

Kata Ibnu Kathir, “(Ayat) ‘Dan orang-orang yang menghubungkan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan’, iaitu menyambung silaturahim dan berbuat ihsan kepada kaum kerabat, serta kepada orang fakir dan golongan yang memerlukan, dan menghulurkan kebaikan.” [Tafsir Ibnu Kathir, jil. 4, hlm. 571]

Pada penghujung ayat seterusnya, Allah SWT berfirman:

أُولَئِكَ لَهُمْ عُقُوبَى الدَّارِ

Maksudnya: “Mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat.”

(Surah al-Ra'd 13: 22)

Begitu juga terus disebutkan dalam ayat seterusnya:

جَنَّتٌ عَدْنٌ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ

Maksudnya: “Iaitu Syurga yang kekal yang mereka akan memasukinya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amal soleh daripada ibu bapa mereka dan isteri-isteri mereka serta anak-anak mereka; sedang malaikat-malaikat pula akan masuk kepada mereka dari tiap-tiap pintu.”

(Surah al-Ra'd 13: 23)

Inilah juga sebagaimana saranan Rasulullah SAW saat Baginda tiba di Madinah, yang mana kata Abdullah bin Salam r.a., perkara pertama yang beliau dengar Rasulullah SAW bersabda adalah:

أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ، وَصَلُّوا وَالنَّاسُ نِيَامًا، تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

Maksudnya: “Sebarkanlah salam, berilah makan, sambunglah silaturahim, dan dirikanlah solat ketika manusia sedang tidur; nescaya kamu akan masuk ke dalam syurga dengan sejahtera.”

(Riwayat Ahmad, no. 23784. Menurut pentahkik, Sheikh Syu’aib al-Arna’ut dan selainnya, sanad hadis ini *sahih*.)

PENUTUP

Keluarga besar kita adalah medan yang lebih luas untuk mempraktikkan akhlak Islam. Di situlah mungkin kasih sayang sesama kita diuji, kesabaran dilatih dan keikhlasan diperjuangkan. Akhlak murni yang saling menghiasi setiap anggota keluarga, sanak saudara dan kaum kerabatlah yang mampu menyatukan tiap-tiap hati dan jiwa meskipun adakalanya berbeza pandangan bahkan latar belakang kehidupan.

Allah SWT berfirman:

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya: “Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.”

(Surah al-Nisa’ 4: 1)

Ayat ini membuka dan menutup perbincangan akhlak kekeluargaan ini dengan satu peringatan yang jelas, bahawasanya takwa kepada Allah itu tidak terpisah daripada menjaga hubungan keluarga.

Keluarga besar yang berakhlak ialah keluarga yang memilih kasih berbanding ego, memilih sabar berbanding amarah, dan memilih menyambung berbanding memutuskan. Walaupun tidak sempurna, mereka sentiasa berusaha untuk memperbaiki kerana mereka sedar bahawa silaturahim adalah jalan menuju reda dan rahmat Allah.

SESI KELIMA

MENYINARI MASYARAKAT DENGAN AKHLAK KEKELUARGAAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan menyadari tanggungjawab keluarga Muslim dalam menyebarkan nilai akhlak kepada jiran tetangga dan masyarakat melalui teladan dan dakwah yang berhikmah.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Menyuburkan Akhlak Islam dalam Interaksi Sehari-hari
- Keluarga Muslim sebagai *Qudwah* dan Duta Akhlak
- Akhlak terhadap Jiran dan Masyarakat
- Amanah Dakwah dalam Kehidupan Sosial

SESI KELIMA: MENYINARI MASYARAKAT DENGAN AKHLAK KEKELUARGAAN

PENDAHULUAN

Sesebuah institusi kekeluargaan merupakan unsur dan komponen asas pembentukan masyarakat. Apabila setiap keluarga berfungsi dengan akhlak yang baik, maka masyarakat sudah pasti akan hidup dalam ketenangan dan keadilan.

Namun begitu, jika institusi ini gagal menerapkan nilai-nilai akhlak, maka masyarakat tidak mustahil akan kehilangan arah dan hidup dalam keadaan yang tidak aman disebabkan penyakit moral yang bermula dalam rumah akan menular ke luar. Oleh sebab itu, pembinaan akhlak keluarga dianggap sebagai asas kepada pembinaan umat.

Oleh sebab itulah, sebaik-baik kita adalah mereka yang terbaik sikapnya, akhlaknya terhadap keluarganya yang kemudiannya akan memberi kesan dan impak besar kepada umat.

Aisyah r.ha. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya: “Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap keluargaku.”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 3895. Menurut al-Tirmizi, hadis ini *hasan sahih*.)

Lebih daripada itu, sikap dan akhlak ini bermula daripada usaha individu yang berusaha memperbaiki akhlaknya, kemudian keindahan akhlak itu akan menular kepada keluarganya, kemudian juga kepada masyarakat umumnya. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”

(Surah al-Ra'd 13: 11)

Individu dan seterusnya keluarga yang berakhlak dan menunaikan hak sesama mereka akan menyinari masyarakat dengan keindahan akhlak tersebut.

MENYUBURKAN AKHLAK ISLAM DALAM INTERAKSI SEHARIAN

Akhlak Islam tidak pernah hanya terbatas di masjid, majlis ilmu atau sebarang program keagamaan. Akhlak yang sebenar merentasi semua itu. Akhlak hidup dan berperanan pada segenap aspek kehidupan, termasuklah di dapur, di ruang tamu, di jalan dan di pasar, dalam tutur kata dan pergaulan. Kesemuanya tanpa terkecuali.

Akhlak bukanlah pakaian kita yang bersifat sementara. Akhlak merupakan identiti kekal seorang Muslim, sesebuah keluarga Muslim dan masyarakat Muslim seluruhnya. Muslim yang berakhlak akan menjadikan setiap interaksi seharian sebagai ruang ibadah dan peluang dakwah.

Setiap perkataan yang kita zahirkan, itulah cerminan akhlak kita. Setiap perbuatan yang kita lakukan, itulah juga terjemahan akhlak kita. Bahkan seluruh perilaku seorang Muslim sepatutnya menjadi rujukan sebagai akhlak seorang Muslim yang dipelajari daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Keluargalah madrasah sosial yang sebenar. Di dalam rumah, anak-anak belajar cara bercakap, cara berbeza pendapat, cara mengawal marah, cara menghormati yang lebih tua dan menyantuni yang lebih lemah. Nilai-nilai ini tidak sekadar diajar dengan kata-kata teori, tetapi diserap melalui suasana dan teladan.

Kerosakan sosial banyak sekali bermula daripada kegagalan sesebuah keluarga menyemai dan menyiram baja-baja akhlak. Lidah yang kasar lahir dari rumah yang penuh herdikan. Sikap tidak peduli lahir dari rumah yang miskin empati. Kekerasan sosial pula lahir dari rumah yang tiada rahmah.

Didikan keluarga dalam melentur akhlak berkata-kata, bertindak-tanduk dan keseluruhan peribadinya akan membentuk dan mewarnai masyarakat. Kesemua ini bahkan dipimpin dan dibimbing dalam Islam.

Allah SWT mengajarkan kita untuk bertutur dengan kata-kata yang baik, tidak kira di mana pun, dengan siapa pun. Firman Allah SWT:

وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا

Maksudnya: *“Dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik.”*

(Surah al-Baqarah 2: 83)

Bahkan tutur kata yang baik itu dinilai sebagai sebuah ibadah sedekah yang membuahkan pahala. Daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda:

الْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ.

Maksudnya: *“Perkataan yang baik adalah sedekah.”*

(Riwayat Ahmad, no. 8869. Menurut pentahkik, Sheikh Syu'aib al-Arna'ut dan selainnya, hadis ini *sahih*.)

Sekecil-kecil perkataan yang dilafazkan juga dinilai sebagai ibadah sedekah yang mulia, lalu begitulah perbuatan-perbuatan dan segenap interaksi Muslim dalam kehidupan masyarakat yang mencerminkan dan menterjemahkan akhlak seorang Muslim.

Apabila seseorang itu membiasakan diri dengan tutur kata yang lembut, sikap menghormati orang lain, menjauhi celaan, bahkan menjaga dirinya dengan akhlak yang terhormat meskipun dalam keadaan diam, dia sebenarnya sedang menyampaikan dakwah Islam tanpa perlu berkata-kata sekalipun.

Seperti kesimpulan Ibnu Khaldun, manusia dibentuk oleh kebiasaan yang berulang-ulang dalam kehidupan mereka. Apa yang dibiasakannya, akhirnya menjadi akhlak dan sifat yang tetap, seolah-olah ia merupakan satu tabiat semula jadi. [*Tarikh Ibnu Khaldun*, jil. 1, hlm. 156]

Apabila anak-anak membesar dalam keluarga yang menghormati jiran, menepati janji, menjaga tutur kata dan berlemah lembut dalam perbezaan, mereka akan membawa akhlak itu ke sekolah, tempat kerja dan masyarakat.

Di situlah akhlak keluarga berubah menjadi akhlak sosial.

KELUARGA MUSLIM SEBAGAI QUDWAH DAN DUTA AKHLAK

Dakwah tidak hanya berada di mimbar dan tidak juga hanya meniti pada lisan. Dakwah bahkan ada di celah-celah akhlak yang hidup dan membesar melalui akhlak yang dibentuk dalam keluarga.

Sebuah keluarga Muslim yang memelihara akhlak, menyemai kasih sayang dan nilai ihsan, secara langsung atau tidak langsung, sedang menyampaikan Islam tanpa memerlukan kepada sebarang bicara. Mereka menjadi *qudwah*, teladan yang berbicara melalui sikap dan perbuatan. Mereka menjadi duta akhlak kepada masyarakat.

Cara dan bagaimana sesebuah institusi kekeluargaan itu berinteraksi, berpakaian, bertutur dan mengurus kehidupan menjadi cerminan kepada nilai Islam yang indah itu sendiri.

Begitulah sebenarnya hakikat pengutusan Rasulullah SAW. Baginda SAW bukan sahaja menyampaikan dakwah melalui perkataan dan perbuatan, bahkan Rasulullah itu sendiri sebagai teladan hidup bagi umat manusia.

Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

(Surah al-Ahzab 33: 21)

Ia ditambah lagi dengan peranan umat Muhammad itu sendiri yang membawa misi amar makruf nahi mungkar sebagaimana yang difirmankan Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.”

(Surah Ali ‘Imran 3: 110)

Sejarah juga membuktikan bahawa keindahan akhlak Muslim sering menjadi sebab orang lain tertarik kepada Islam. Orang-orang yang belum Muslim terkesan dan tertarik dengan keindahan imej akhlak orang-orang Islam.

Para pedagang yang singgah di negara orang, dengan imej akhlaknya dalam berniaga mengikut lunas-lunas agama, sudah pastilah akan menjaga segala tutur kata, tatatertib lalu keindahan ini jelas tersergam indah pada diri mereka dan menyentuh hati-hati mereka yang melihat kepada agama Islam itu sendiri.

Inilah hakikatnya juga risalah dakwah Nabi SAW ke tengah-tengah masyarakat yang sepatutnya dan seharusnya sentiasa diambil iktibar. Rasulullah SAW menegaskan bahawa misi Baginda diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak.

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

Maksudnya: “Sesungguhnya aku hanya diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”

(Riwayat Ahmad, no. 8952. Menurut pentahkik, Sheikh Syu'aib al-Arna'ut dan selainnya, hadis ini *sahih*.)

Begitulah hakikatnya sebuah keluarga Muslim itu dibentuk sebagai duta dan teladan kepada masyarakat di luar sana. Mereka tidak sekadar menjaga rumah mereka, tetapi juga maruah agama mereka. Akhlak mereka adalah risalah yang dibaca oleh masyarakat setiap hari.

Dalam setiap senyuman, dalam setiap pertolongan, dalam setiap sabar menghadapi ujian, mereka sedang berperanan sebagai ejen dan duta dakwah di tengah-tengah masyarakat.

AKHLAK TERHADAP JIRAN DAN MASYARAKAT

Al-Quran dan sunnah memberi penekanan yang besar terhadap akhlak dengan jiran. Lihatlah firman Allah SWT:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ
الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنُبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-bangga diri.”

(Surah al-Nisa' 4: 36)

Ayat ini meletakkan jiran dalam senarai golongan yang perlu kita berbuat baik terhadap mereka, dalam ayat yang sama dengan berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat dan lain-lain. Ia menandakan betapa pentingnya hubungan baik sesama jiran dalam masyarakat Islam.

Ia menunjukkan bahawa sesebuah keluarga yang berakhlak di dalam rumahnya tidak boleh sekadar berhenti pada pintu rumahnya, tetapi memancar ke sekeliling, kepada jiran yang hampir, dan seterusnya kepada masyarakat yang lebih luas.

Dalam hadis pula, Rasulullah SAW mengaitkan perbuatan memuliakan tetamu dengan iman kepada Allah SWT dan hari akhirat. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ. وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ. وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ، فَلْيُكْرِمْ صَيْفَهُ.

Maksudnya: “Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata yang baik atau diam. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan

jirannya. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan tetamunya.”

(Riwayat Muslim, no. 47)

Jelas sekali kesempurnaan iman seseorang itu berkait rapat dengan akhlaknya terhadap dalam tutur kata, akhlaknya terhadap jiran dan juga akhlaknya terhadap tetamu.

Imam al-Nawawi menukikan bahawa al-Qadi ‘Iyad menyebut, maksud hadis ini ialah bahawa sesiapa yang beriltizam dengan syariat Islam, maka wajib ke atasnya memuliakan jirannya dan tetamunya serta berbuat baik kepada kedua-duanya. Semua ini merupakan penjelasan tentang hak jiran dan galakan supaya menjaganya. [*Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, jil. 2, hlm. 18]

Bahkan begitu pentingnya pesanan untuk berbuat baik kepada jiran ini sehinggakan Aisyah r.ha. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا زَالَ يُوصِينِي جِبْرِيلُ بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُهُ.

Maksudnya: “*Jibril sentiasa berpesan kepadaku agar berbuat baik kepada jiran, sehingga aku menyangka bahawa jiran itu akan dijadikan sebagai ahli waris.*”

(Riwayat al-Bukhari, no. 6014)

Sebuah masyarakat yang berakhlak tidak diukur dengan rumah yang besar ataupun bangunan yang tinggi. Ibarat sebuah pepatah Arab, Juwairiyah bin Asma’ menyebutkan, ayahnya pernah berkata:

الْجَارُ قَبْلَ الدَّارِ

Maksudnya: “*Jiran didahulukan sebelum rumah.*”

Pepatah ini mengingatkan kita bahawa kesejahteraan hidup bukan hanya bergantung kepada fizikal rumah atau pun bangunan, namun lebih jauh daripada itu adalah akhlak manusia di sekelilingnya. Apabila sesebuah keluarga menjaga hak-hak jiran, menyantuni masyarakat di sekelilingnya, begitulah akan lahir masyarakat yang makmur dan bahagia, selaras dengan tuntunan dan tuntutan Syarak.

Daripada Nafi’ bin Abdul Haris r.a., Rasulullah SAW bersabda:

مِنْ سَعَادَةِ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِي الدُّنْيَا: الْجَارُ الصَّالِحُ، وَالْمَنْزِلُ الْوَاسِعُ، وَالْمَرْكَبُ الْهَنِيءُ.

Maksudnya: “*Antara kebahagiaan seorang Muslim di dunia ialah jiran yang soleh, rumah yang luas, dan kenderaan yang selesa.*”

(Riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, no. 7036. Kata al-Hakim, hadis ini sanadnya *sahih*. Al-Zahabi juga memberi komentar bahawa hadis ini *sahih*.)

AMANAH DAKWAH DALAM KEHIDUPAN SOSIAL

Dakwah bukan hanya tugas para ustaz, pendakwah atau ilmuwan agama. Ia adalah tanggungjawab setiap Muslim, termasuklah individu dan keluarga Muslim yang hidup di tengah-tengah masyarakat. Setiap tutur kata, sikap dan tindakan adalah mesej kepada dunia tentang siapa kita dan bagaimana Islam membentuk jiwa kita.

Dakwah adalah amanah setiap keluarga Muslim kerana rumah yang berakhlak akan melahirkan masyarakat yang berakhlak. Setiap suami isteri, setiap ibu bapa, bahkan setiap anak yang dibesarkan dengan nilai Islam, secara tidak langsung memikul amanah dakwah melalui cara hidup mereka.

Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: “Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: “Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)”

(Surah Fussilat 41: 33)

Kata al-Maraghi, “Tiada seorang pun yang lebih baik ucapannya daripada orang yang menghimpunkan tiga sifat berikut, (1) menyeru (berdakwah) kepada tauhid Allah dan ketaatan kepada-Nya, (2) beramal soleh, iaitu dengan melakukan ketaatan dan menjauhi perkara-perkara yang diharamkan, dan (3) menjadikan Islam sebagai agamanya dan mengikhlaskan diri kepada Tuhannya.” [*Tafsir al-Maraghi*, jil. 24, hlm. 130]

Setiap interaksi sosial, sama ada di tempat kerja, kejiranan, atau komuniti adalah ruang dakwah yang boleh dimanfaatkan. Senyuman yang ikhlas, menepati janji, menjaga adab bercakap dan tidak menyakiti orang lain, semuanya adalah mesej dakwah Islam yang memberi kesan.

Adakalanya dakwah ini memerlukan kepada kata-kata untuk menasihati atau berdakwah kepada seseorang, namun adakalanya juga, perbuatan baik dan karakter serta peribadi mulia sudah cukup membuatkan mesej dakwah itu sampai dan lebih berkesan.

Begitulah sifatnya hikmah, dengan cara yang terbaik yang mampu meninggalkan kesan yang baik. Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

(Surah al-Nahl 16: 125)

Dalam dunia yang penuh sibuk dengan konflik dan kecamuk, boleh jadi satu senyuman sahaja sudah cukup memberi kesan yang baik dalam dakwah berbanding mendatangkan seribu hujah. Ingatlah kita bahawa cukup hanya dengan satu kebaikan kecil sahaja, boleh menyedarkan jiwa yang lalai, melembutkan hati yang keras.

Secara kesimpulannya, amanah dakwah ini merupakan satu tanggungjawab akhlak individu dan keluarga Muslim. Ia bukan tugas sampingan dalam kehidupan sosial. Setiap tutur kata, tindak tanduk, peribadi, seluruhnya memainkan peranan dakwah yang penting.

PENUTUP

Tangan yang mengayun buaian dapat menggoncang dunia. Begitulah mungkin perumpamaan untuk memberitahu betapa besarnya tangan yang hanya disangka mengayun buaian itu.

Seorang ibu bukan sahaja berperanan sebagai ibu, namun juga boleh memainkan peranan yang besar dalam kehidupan masyarakat. Begitulah anak yang diayun itu, daripada buaian itulah barangkali disemai nilai akhlak dan seterusnya menjadi insan Muslim yang kelak memimpin dunia. Ibarat doa yang kita baca, yang kita pelajari daripada al-Quran:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata, ‘Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.”

(Surah al-Furqan 25: 74)

Akhlak yang pertama dan utama itu bermula di rumah. Di meja makan, di ruang solat, di antara ibu dan ayah, bahkan anak dan jiran. Keluarga yang berakhlak mulia ialah tapak pertama kepada ketamadun Islam yang kuat.

Sheikh Rasyid Reda dalam *Tafsir al-Manar* menukilkan ungkapan yang indah daripada penyair terkenal dari Mesir, Ahmad Syauqi yang pernah menyebut:

وَإِنَّمَا الْأُمَمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ ... فَإِنْ هُمْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

Maksudnya: *“Hanyalah kekal suatu bangsa itu selagi mana ada akhlaknya. Andai akhlak mereka telah tiada, mereka pun akan turut tiada.”* [*Tafsir al-Manar*, jil. 10, hlm. 34]

Keluarga yang berakhlak akan mencipta bahagia, akan menjadi sumber cahaya buat umat dan masyarakat. Dari rumah yang kecil, terpancar nilai-nilai akhlak yang besar, yang akhirnya menyinari masyarakat dan membawa manusia lebih dekat kepada Allah SWT.

Wallahua'lam.

BAHAGIAN C: SENARAI RUJUKAN

1. *Tafsir al-Gharib al-Asfahani*, Al-Gharib al-Asfahani
2. *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, Al-Gharib al-Asfahani
3. *Tafsir Ibnu Kathir*, Ismail bin Umar bin Kathir
4. *Tafsir al-Manar*, Muhammad Rasyid Ridha
5. *Tafsir al-Maraghi*, Ahmad bin Mustafa al-Maraghi
6. *Tafsir al-Sya'rawi*, Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi
7. *Al-Tafsir al-Munir*, Wahbah al-Zuhaili
8. *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Yahya bin Syaraf al-Nawawi
9. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, Ismail bin Umar bin Kathir
10. *Tarikh Ibnu Khaldun*, Ibnu Khaldun
11. *Tanbih al-Na'im al-Ghamr 'ala Mawasim al-Umr*, Ibnu al-Jauzi
12. *Tuhfat al-Mawdud bi Ahkam al-Mawlud*, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah